



**MENTERI SUMBER MANUSIA**  
**KENYATAAN MEDIA**

**PENGGAJIAN PEKERJA ASING**

1. Saya telah mengeluarkan kenyataan media mengenai pelaksanaan Pelan Pelonggaran Penggajian Pekerja Asing pada 17 Januari 2023. Pelan ini adalah bagi menyegerakan proses permohonan serta kelulusan penggajian pekerja asing di sektor-sektor kritikal dengan penglibatan Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN).
2. Saya ingin menggesa majikan bahawa walaupun kelonggaran akan diberikan bagi tujuan untuk menyegerakan kelulusan kuota pekerja asing tetapi aspek-aspek berkaitan standard perburuhan tidak wajar diabaikan walaupun proses naziran bersama oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) akan dibuat selepas tempoh enam (6) ke tujuh (7) bulan daripada tarikh kelulusan kuota. Saya juga memohon kepada majikan supaya dokumen-dokumen untuk menyokong permohonan kuota pekerja asing yang dikemukakan adalah sahih kerana sebelum ini terdapatnya kes-kes permohonan yang melibatkan dokumen palsu.
3. Saya mengharapkan kerjasama daripada semua majikan dan pihak industri bahawa pematuhan kepada aspek-aspek asas berkaitan dengan standard perburuhan adalah dituntut antaranya seperti pembayaran gaji bulanan kepada pekerja termasuk gaji minima dan caruman kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).
4. Saya memohon supaya majikan dapat memberikan sokongan sepenuhnya kepada hasrat Kerajaan dalam menjayakan Pelan Pelonggaran Penggajian Pekerja Asing dengan majikan membuat permohonan kuota berdasarkan keperluan sebenar. KSM akan memastikan bahawa kelulusan kuota yang diberikan dapat memenuhi keperluan sebenar guna tenaga negara. Adalah penting untuk kita semua memastikan imej dan kredibiliti negara terjamin tanpa berkompromi terhadap kebijakan dan hak-hak pekerja seperti yang disarankan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

**YB TUAN V. SIVAKUMAR**  
**MENTERI SUMBER MANUSIA**  
**PUTRAJAYA**  
**19 Januari 2023**